

PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SET 1

1	(a)	(i)	Sebab turun ayat tersebut ialah - Para sahabat berbincang tentang amalan yang perlu diutamakan selepas pembukaan Kota Mekah - Terdapat sahabat menumpukan kepada memberikan minuman kepada orang yang menunaikan haji - Terdapat sahabat menumpukan kepada memakmurkan Masjidil Haram - Terdapat sahabat berjihad di jalan Allah SWT - Percakapan para sahabat ditegur oleh Saidina Umar r.a kerana tidak sopan meninggikan suara di sebelah mimbar Rasulullah - Saidina Umar r.a mengadu apa yang berlaku kepada Rasulullah SAW	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua kepentingan Fiqh al-Aulawiyat terhadap individu ialah - Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik - Membuahkan hasil kerja yang berkualiti - Mengamalkan semua tuntutan Islam mengikut susunan yang tepat <i>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</i>	2 isi X 1m = 2M
		(iii)	Cadangan isi: - Menyiapkan kerja rumah terlebih dahulu - Merancang / menyusun keutamaan dengan bijak - Mengurus masa dengan baik	I = 1m H = 1m 2M
		(iv)	Cadangan isi: - Prestasi pelajaran merosot - Beban kerja bertambah - Hidup menjadi tidak teratur	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M

	(b)	(i)	Dua konsep berdikari ialah - Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT - Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain. - Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas - Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua kelebihan berdikari dalam kehidupan ialah - Menjadikan Islam dipandang tinggi - Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal - Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi - Memperkasakan daya saing masyarakat <i>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</i>	2 isi X 1m = 2M
		(iii)	Cadangan isi: - Belajar bersungguh-sungguh tanpa meniru dalam peperiksaan - Tidak bergantung kepada orang lain secara berlebihan - Mengelakkan perbuatan menipu	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M
	(c)		- Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf - 6 harakat	2 isi X 1m = 2m



SERTAI TELEGRAM @exercise_students



2	(a)	(i)	Maksud al-Jabbar ialah nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak [1m] / untuk melakukan segala kehendakNya [1m].	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar ialah - Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam. / Semua makhluk berada dalam pemerintahannya. - Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatannya. / Setiap perbuatan Allah SWT mengandungi hikmah yang tersembunyi - Manusia wajib bersifat merendah diri / kerana Allah SWT akan mencampakkan makhluknya yang bersikap takbur dan bongkak ke dalam neraka jahannam	2 isi X 2m = 4M
		(iii)	Cadangan isi : - Allah Maha Perkasa berbanding dengan manusia yang lemah dan tidak berdaya untuk menandingi kekuasaan Allah SWT - Allah SWT berkuasa untuk menentukan segala takdir makhluknya dan manusia tidak mampu mengubahnya - Menanam rasa takutkan hukuman Allah SWT - Manusia akan berhati-hati dan tidak bersikap angkuh	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M
	(b)	(i)	Sejarah ringkas aliran Muktazilah ialah kumpulan yang diasaskan oleh Wasil bin Ata [1m] setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan Al Basri [1m] / tentang kedudukan pelaku dosa besar [1m].	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Prinsip akidah aliran Muktazilah ialah : - Al-Tauhid : menafikan sifat ma'ani pada zat Allah SWT - Al-adl : meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT - Al-wa'du wal wa'id : meyakini bahawa Allah SWT wajib memberikan balasan baik kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat - Al manzilah bainal manzilatain : meyakini bahawa pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dan kafir dan mereka kekal dalam neraka - Al amru bil ma'ruf wan nahyu anil munkar : meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam kedudukan apa sekalipun	1 isi X 2m = 2M
		(iii)	Cadangan isi: - Kerajaan sentiasa memantau aliran tersebut - Memberi nasihat dan bimbingan - Mengenakan tindakan undang-undang	I = 1m H = 1m 2M
		(iv)	Cadangan isi: - Akidah menjadi tidak seragam - Pegangan iman masyarakat menjadi lemah - Masyarakat lebih percaya kepada pemikir berbanding ulama ahli sunnah wal jamaah	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M

3	(a)	(i)	Dua jenis haji ialah: - Haji Ifrad - Haji Tamatuk - Haji Qiran	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua kaifiat pelaksanaan haji Tamattuk ialah: - Berihram umrah - Berniat ihram haji di masjid - Meninggalkan larangan ihram haji - Wukuf di Arafah - Bermalam di Muzdalifah - Melontar Jamrah Kubra - Bercukur - Tawaf Ifadah - Saie - Melontar di ketiga-tiga jamrah - Bermalam di Mina - Bergunting	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Cadangan isi : - Menuntut kesabaran yang tinggi - Perbelanjaan besar yang dikeluarkan dianggap jihad harta - Sanggup meninggalkan keluarga dan tanah air	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M
	(b)	(i)	Maksud Solat Sunat Tasbih ialah solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbih sebanyak 300 kali [1m] pada keseluruhan solat [1m].	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua kaifiat menunaikan Solat Sunat Tasbih ialah a) Niat : أُصَلِّيَ سُنَّةَ التَّسْبِيحِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى / Sahaja aku solat sunat Tasbih dua rakaat kerana Allah Taala.bilangan rakaat: 4 rakaat b) Bilangan rakaat : 4 rakaat	2 isi X 1m = 2M
	(c)	(i)	- Hukum: makruh - Alasan : menceraikan isteri tanpa sebab.	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Cadangan isi: - Berbincang secara baik untuk mencari jalan penyelesaian - Mendapatkan nasihat dari imam atau kaunselor perkahwinan Islam - Bersabar dan berdoa kepada Allah SWT	I = 1m H = 1m 2M
		(iii)	Cadangan isi: - Memutuskan hubungan silaturrahim - Anak-anak mengalami gangguan emosi dan tingkah laku - Anak-anak kurang kasih sayang	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M

4	(a)	(i)	Dua khalifah dalam pemerintahan Khulafa al-Rasyidin ialah - Khalifah Abu Bakar as-Siddiq - Khalifah Umar bin al-Khattab - Khalifah Uthman bin Affan - Khalifah Ali bin Abi Talib	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua pencapaian pemerintahan Khulafa al-Rasyidin dari aspek ketenteraan ialah - Meneruskan pembebasan negeri di wilayah Iraq - Membuka Baitul Maqdis, Palestin dan Mesir - Menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan peluasan kuasa	2 isi X 2m = 4M
		(iii)	Cadangan isi : - Menyokong sistem kewangan negara - Melindungi golongan zimmi - Menjamin keadilan sosial	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M
	(b)	(i)	Sejarah pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah ialah - Tempoh Pemerintahan :1299M-1924M/625 tahun - Asal Nama Kerajaan :Bersempena nama Uthman bin Ertughrul, iaitu pengasas Kerajaan Uthmaniyah. - Pusat Pemerintahan:Sogut (1299-1355) / Bursa (1335-1363) / Edirne (1363-1453) / Istanbul (1453-1924) - Pemerintah Pertama: Sultan Uthman bin Ertughrul. - Kawasan Pemerintahan: Meliputi sebahagian besar benua Asia / Eropah / Afrika. - Bilangan Pemerintahan :37 orang. - Antara Pemerintah yang Terkenal : Sultan Uthman bin Ertughrul / Sultan Murad I / Sultan Muhammad Al-Fatih / Sultan Sulaiman Al-Qanuni - Pemerintah Terakhir: Sultan Abdul Majid II	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Iktibar daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah: - Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa [I] supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.[H] - Kita hendaklah sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu [I] agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa.[H] - Kita hendaklah sentiasa menghayati semangat cinta akan negara [I] agar rela berkorban mempertahankannya daripada musuh.[H] - Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam [I] supaya hidup diberkati Allah SWT.[H] - Kita hendaklah menolak campur tangan asing [I] untuk menjaga kedaulatan negara.[H]	1 isi X 2m = 2M
		(iii)	Cadangan isi: - Mematuhi peraturan sekolah - Fokus dalam sesi pembelajaran - Merancang jadual pembelajaran - Sentiasa berusaha mencapai kejayaan	I = 1m H = 1m 2M
		(iv)	Cadangan isi: - Hilang kepercayaan rakyat - Negara akan mundur - Dipandang hina oleh rakyat/negara luar - Syiar Islam tidak berkembang	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M



5	(a)	(i)	Dua adab terhadap orang sakit dalam aspek emosi ialah - Memberikan semangat dan motivasi kepada pesakit - Tidak melakukan sesuatu yang mengganggu ketenteraman pesakit	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua hikmah adab terhadap orang sakit ialah - Menggembirakan pesakit (I) agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT (H) - Mengeratkan ukhwah sesama anggota masyarakat (I) agar hidup diberkati Allah SWT (H) - Melahirkan keinsafan (I) kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit. (H)	2 isi X 2m = 4M
		(iii)	Cadangan isi : - Membantu menyediakan keperluan asas kepada pesakit - Menziarahi orang sakit - Mendoakan kebaikan kepada pesakit	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M
	(b)	(i)	Maksud riak ialah melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji [1m] oleh orang lain [1m].	2 isi X 1m = 2M
		(ii)	Dua contoh sifat riak ialah - Melaksanakan solat sunat hanya jika berada dihadapan orang lain. - Bersedekah kerana mengharapkan pujian manusia. Mana-mana jawapan munasabah diterima.	2 isi X 1m = 2M
		(iii)	Cadangan isi : - Kurang penghayatan agama - Suka menunjuk-nunjuk kebaikan yang dilakukan - Obses kepada media sosial	I = 1m H = 1m 2M
		(iv)	Cadangan isi : - Memberikan nasihat kepada pelaku - Memberi bimbingan cara bersedekah - Menyebarkan kelebihan bersedekah secara sembunyi berbanding disembarkan - Membuat iklan kebaikan menyembunyikan sedekah	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4M

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT